

12 JAN 2002

Mahathir-KLIA Express (Bergambar)/I

DR MAHATHIR PUAS HATI DENGAN KLIA EXPRESS

SEPANG, 12 Jan (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini menyatakan rasa puas hatinya terhadap perkhidmatan Express Rail Link (ERL) yang menghubungkan KL Sentral di ibu negara dan Lapangan Terbang Antarabangsa KL (KLIA) di Sepang.

"Saya rasa ia sangat baik kerana kita sebenarnya dapat sampai lebih cepat daripada masa yang dijadualkan, iaitu di sebalik 28 minit seperti yang diiklankan perjalanan hanya mengambil masa 25 minit.

Perdana Menteri percaya ia boleh sampai lebih cepat jika selekoh pada landasan dapat dikurangkan.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas meninjau perjalanan percubaan ERL dari KL Sentral ke KLIA di sini, hari ini.

Ditanya jika ada perkara yang boleh diperbaiki dalam sistem ERL, beliau berkata: "Saya tidak tahu, ia baik bagi saya. Mereka boleh meneruskan dengannya."

Operasi percubaan bagi ERL yang dikenali sebagai KLIA Express bermula awal bulan ini dan akan diteruskan hingga April. Perkhidmatan percubaan secara percuma akan dijalankan selama dua minggu pada April sebelum perkhidmatan sebenar dimulakan pada 19 April.

Tren KLIA Express akan diuji pada kelajuan tinggi di sepanjang landasan sejauh 57km itu.

Sehingga hari ini ERL telahpun menerima lapan tren seperti itu daripada pembuatnya dan setiap tren itu dijangka menjalani ujian sepanjang landasan dari KL Sentral ke KLIA dalam tempoh 15 minit antara satu sama lain.

Tren KLIA Express akan bergerak pada kelajuan maksimum 160km sejam di kawasan tertentu dan perjalanannya adalah senyap.

Di tanya mengenai keluhan yang tambang RM35 sehal pada ERL adalah tinggi, Dr Mahathir berkata tambang itu tidaklah tinggi.

"Warga Malaysia mahu yang terbaik tanpa mahu membayar apa-apa, tetapi anda tidak boleh mendapatkannya secara percuma. Jika anda mahu sesuatu anda perlu membayar baginya, Saya berpendapat ia murah," kata beliau lagi.

Menurut beliau lagi, KLIA Express menawarkan perkhidmatan yang paling murah di dunia bagi perjalanan setiap km dari bandar raya ke lapangan terbang.

Sementara itu mengenai serangan Israel terhadap lapangan terbang di Semenanjung Gaza, Perdana Menteri berkata Malaysia hanya boleh membantah tindakan Israel dan tidak dapat berbuat banyak untuk menghentikan serangan itu.

"Masalahnya ialah selagi mereka yang berkuasa tidak mengambil tindakan ... kita hanya dapat duduk dan lihat," kata beliau lagi.

Ditanya sama ada Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (PBB) harus mengambil tindakan terhadap Israel, beliau berkata: "Ia lebih kurang macam itulah," katanya.

-- BERNAMA

SR RV PR